



KBS : 14/2025

PROGRAM RAKAN MUDA TURUN KAMPUS TAHUN 2025

1. **YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan** telah menghadiri Program Rakan Muda Turun Kampus kedua bagi tahun 2025 bertempat di Auditorium Tun Mohamed Suffian, Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya (UM), hari ini.
2. Program Rakan Muda Turun Kampus merupakan program khusus yang membolehkan penuntut Institut Pengajian Tinggi (IPT) menyampaikan aspirasi, pandangan dan idea tentang pembangunan belia dan sukan secara terus kepada kepimpinan tertinggi Kementerian Belia dan Sukan (KBS).
3. Objektif Program Rakan Muda Turun Kampus adalah untuk:
 - 3.1. Menyampaikan maklumat terkini mengenai dasar, inisiatif dan tindakan yang diambil oleh Kerajaan terutamanya yang melibatkan pembangunan belia dan sukan;
 - 3.2. Memberi peluang kepada belia untuk menyuarakan pandangan berkaitan isu-isu pembangunan belia dan sukan; dan

- 3.3. Menyantuni belia di IPTA/IPTS bagi memperluaskan pelaksanaan Gaya Hidup Rakan Demokrasi.
4. Sebanyak 10 Program Rakan Muda Turun Kampus, yang dijangka melibatkan seramai 5,000 orang pelajar, akan dilaksanakan pada tahun ini. Program turut disemarakkan dengan aktiviti interaktif yang dikendalikan oleh Bahagian Pembangunan Rakan Muda, Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN).
 5. Semasa program tersebut berlangsung, YB Hannah Yeoh turut berkesempatan menyantuni warga UM daripada pelbagai fakulti dan meninjau fasiliti yang terdapat di sekitar kampus.
 6. Pelaksanaan Program Rakan Muda Turun Kampus ini diharap dapat memperkukuh identiti dan perpaduan dalam kalangan pelajar IPT, membina jaringan kerjasama merentas institusi, dan mendapatkan input secara langsung dalam usaha KBS merangka strategi pemerkasaan program belia.
 7. Program ini turut dihadiri oleh **YBrs. Profesor Dr. Zamri bin Radzi Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), UM dan Puan Azura binti Abidin, Ketua Pengarah JBSN.**
 8. Untuk sebarang maklumat lanjut berhubung **Program Rakan Muda Turun Kampus Tahun 2025, JBSN** boleh dihubungi melalui **03-8871 3324/ jbsn@kbs.gov.my.**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
10 April 2025**